

INSPIRASI LATIH TUBI

MODEL 4

KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PERDAGANGAN DAN KEUSAHAWANAN

Kertas 1

Satu jam tiga puluh minit

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan **hitamkan** pilihan anda yang baru.*



Rajah 1

- 1 Apakah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di dalam **Rajah 1** di atas?
 - A Dia memakai selipar kerana kakinya terluka.
 - B Dia memakai apron untuk melindungi pakaiannya.
 - C Dia menanggalkan tali lehernya supaya tidak terkena cat.
 - D Dia menggulungkan lengan bajunya supaya tidak kotor.
- 2 Antara berikut, manakah yang menerangkan tentang pernyataan masalah?
 - A Eileen telah menamakan produk rekaannya
 - B Karen melawat Ekspo produk rekacipta
 - C Lalitha mereka cipta bekas menyimpan kasetnya
 - D Nivahini sukar mencari alat kawalan jauh televisyen apabila diperlukan
- 3 Apakah yang dimaksudkan nilai komersial dalam menghasilkan reka cipta produk?
 - A Menggunakan teknologi tinggi
 - B Kos pembinaan produk yang tinggi
 - C Harga projek reka cipta yang meningkat
 - D Produk yang berpotensi untuk dipasarkan
- 4 Sze Yeng telah menguji projek reka ciptanya, tetapi projek tersebut tidak berfungsi dengan baik. Apa yang perlu dilakukannya?
 - A Mengubah suai projek tersebut
 - B Menjalankan sesi kritik
 - C Menukar bahan lain
 - D Membuat kemasan yang sesuai
- 5 Apakah nama laporan bertulis tentang produk yang dihasilkan oleh pereka produk?
 - A Buku skrap
 - B Folio projek
 - C Buku laporan
 - D Dokumentasi
- 6 Apakah kelebihan menggunakan papan lapis dalam pembinaan projek anda?
 - A Lebih kalis api daripada MDF.
 - B Tidak mudah meleding, mengecut atau retak.
 - C Dapat dilengkungkan mengikut kehendak reka bentuk.
 - D Sesuai untuk sebarang bentuk pembinaan seperti proses pembinaan tanggam.

7 Apakah alat khas yang digunakan untuk memasang ribet?


A




B



C




D



8 Pilih pasangan bahan kemas dan pelarut yang sesuai pada jadual dibawah

	Bahan kemas	Pelarut
A	Syelek	Spirit metil
B	Lekar	Turpentin
C	Cat licau	Air
D	Tepung penyumbat	Thiner


9 Apakah nama bahagian yang bertanda X di dalam Rajah 2 di bawah?



Rajah 2

- A Ular
- B Stem
- C Kepala
- D Batang





10 Apakah kegunaan mesin mudah alih di dalam Rajah 3 di bawah?




Rajah 3

- A Membenam dan mencabut paku
- B Memasang dan menanggalkan skru
- C Melelaskan permukaan papan lapis
- D Merekat fabrik seperti kain, kanvas, PVC, kulit dan lain-lain.

11 Apakah alatan tangan yang digunakan untuk menanda ukuran tebal atau lebar kayu?





Rajah 4

12 Nyatakan jenis lakaran yang ditunjukkan di dalam **Rajah 4** di atas.



- A Lakaran 2D ortografik
- B Lakaran bebas 3D isometri
- C Lakaran bebas 3 D oblik
- D Lakaran bebas perspektif satu titik

13 Antara peralatan-peralatan elektrik yang berikut, yang manakah menggunakan konsep kemagnetan?

- I Turbin
- II Televisyen
- III Dinamo basikal
- IV Alat penghawa dingin

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

14 Antara berikut yang manakah simbol buzzer ?



15 Berdasarkan litar elektronik di atas, mengapakah LED tidak menyala ?

- A Rintangan terlalu besar
- B Kaki LED salah disambung
- C Kekurangan voltan dalam litar elektrik
- D Kaki perintang salah disambung

16 Jadual di bawah menunjukkan bacaan penggunaan dan tarif elektrik.

Bacaan dahulu	=	5407
Bacaan semasa	=	5830
Tarif		
200 unit pertama	:	RM 0.218
500 unit berikutnya	:	RM 0.258


Berapakah bayaran penggunaan elektrik yang mesti dijelaskan?

- A RM 42.30
- B RM 92.21
- C RM 101.13
- D RM 109.13

17 Pilih pernyataan yang menerangkan ciri-ciri buzer piezo.

- I Tidak berkutub
- II Nada bunyi nyaring
- III Voltan diperlukan antara 1.5 V hingga 12 V
- IV Mempunyai kutub positif dan negatif

- A I sahaja
- B I dan II
- C III dan IV
- D II, III, dan IV




Rajah 5

18 Berdasarkan **Rajah 5** di atas namakan aktiviti tersebut?

- A memanaskan bod litar elektronik.
- B menyedut pateri untuk menanggalkan komponen.
- C memegang pemateri semasa memateri.
- D membersihkan hujung bit yang kotor.

19 Apakah kegunaan mikrofon ?

- A Mengesan kehadiran gelombang bunyi
- B Membesarkan gelombang bunyi yang dikesan
- C Menukarkan gelombang elektrik kepada gelombang bunyi
- D Menukarkan gelombang bunyi kepada gelombang elektrik



Rajah 6


20 Apakah kegunaan alatan tangan yang ditunjukkan di dalam **Rajah 6** di atas?

- A Digunakan untuk memotong batang paip BG dengan tepat dan cepat.
- B Digunakan untuk membuka dan mengetatkan nat pili dan bolt.
- C Digunakan untuk membuang gerigis luar pada hujung paip yang telah dipotong.
- D Digunakan untuk memegang dan mengapit paip BG supaya tidak berpusing semasa kerja-kerja perpaipan.

21 Apakah tujuan perangkap dipasang pada sistem buangan air?



- A Untuk menghalang bau busuk daripada masuk ke rumah.
- B Untuk mengawal pengaliran air keluar di hujung batang paip.
- C Untuk mengawal aliran air ke tangki simbah dengan pergerakan pelampung.
- D Untuk menyimpan air pada aras tertentu untuk mencuci mangkuk tandas

22 **Rajah 7** di bawah menunjukkan lukisan isometrik sebuah objek.



Rajah 7


Antara yang berikut, yang manakah pandangan hadapan objek itu?



Rajah 8

23 Jahitan yang ditunjukkan dalam **rajah 8** di atas, ialah...


- A jahitan kia.
- B jahitan suji bilang.
- C jahitan insang pari.
- D Jahitan silang pangkah



Rajah 9

24 Berpandukan **Rajah 9** di atas, apakah nama garisan X?

- A Garisan objek
- B Garisan binaan
- C Garisan penengah
- D Garisan tersembunyi



Rajah 10

25 Apakah fungsi bahagian yang ditandai X di dalam **Rajah 10** di atas?

- A mengawal benang
- B mengawal ketegangan benang
- C mengawal pergerakan mesin jahit
- D menggulung benang pada gelendung

26 Antara makanan yang berikut, manakah merupakan makanan sepinggan lengkap?

- A karpap
- B nasi ayam
- C nasi tomato
- D ayam masak kari

- **Memerlukan perhatian yang lebih.**
- **Penggunaan masa dan tenaga yang banyak.**
- **Contohnya menukar cadar dan sarung bantal.**

27 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis kerja pembersihan tersebut?

- A Pembersihan mingguan.
- B Pembersihan berkala
- C Pembersihan tahunan
- D Pembersihan harian

28 Apakah fungsi ruang sosial di tempat kediaman?

- I menjamu selera
- II melayan tetamu
- III menyimpan barang-barang
- IV membersihkan dan mengemas diri

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

29 Bagaimanakah untuk menambah nutrien bagi tumbuhan dalam pasu?

- A Membaja
- B Merumput
- C Menggembur
- D Memangkas

30 Apakah sukatan medium masam yang sesuai digunakan sekiranya tanah loam mengandungi kadar tanah liat yang tinggi?

- A 2:3:7
- B 3:2:1
- C 7:3:1
- D 7:3:2

- 👍 **Dikehendaki untuk
keselesaan**
- 👍 **Tidak terhad dan sukar
dipenuhi**

31 Apakah maksud pernyataan di atas?

- A Kehendak
- B Keperluan
- C Permintaan
- D Penawaran

32 Apakah ciri utama sistem barter?

- A Mudah dijalankan
- B Barang-barang ditukarkan dengan wang
- C Tidak melibatkan sebarang bentuk wang
- D Hanya barang keperluan yang boleh ditukar

Syarikat Kreatif Sdn. Bhd

33 Apakah jenis milikan perniagaan diatas?

- A Milikan Tunggal
- B Perkongsian
- C Syarikat Sendirian Berhad
- D Syarikat Awam Berhad

34 Apakah langkah pertama yang perlu dilakukan oleh bakal peniaga sebelum memulakan perniagaan?

- A Mendapatkan lesen.
- B Mendapatkan modal.
- C Mendaftar perniagaan.
- D Membuat perancangan

35 Antara bentuk perniagaan berikut, yang manakah adalah bentuk perniagaan perkhidmatan?

A	KOPERASI AZIZIAN BHD. d/a SMK Sultan Abdul Aziz 36007 Teluk Intan Perak Darul Ridzuan.
B	RESTORAN AZIZIAN No. 1, Lrg. Malaysia 1 Jalan Sultan Abdullah 36000 Teluk Intan Perak Darul Ridzuan
C	AZIZ & AZIZAH PEGUAMBELA & PEGUAMCARA No. 3, Bangunan SKOMK Jalan Selat 36000 Teluk Intan Perak Darul Ridzuan
D	KEDAI ALAT GANTI AZIZIAN No. 12A & 13A Jalan Maharajalela 36000 Teluk Intan Perak Darul Ridzuan

36 Apakah nama dokumen yang membuktikan bahawa pembayaran telah dijelaskan?

- A Resit.
- B Invois.
- C Nota serahan
- D Penyata akaun.

37 Antara barangan berikut, manakah stok gerak pantas di sebuah kedai runcit?

- I Beras
- II Lilin
- III Mancis
- IV Gula pasir

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

38 Pilih pernyataan yang benar tentang jenis-jenis bank dan fungsinya.

A	Bank Pusat	Memberi khidmat nasihat kewangan
B	Bank Perdagangan	Mengeluarkan matawang negara
C	Bank Saudagar	Memberi perkhidmatan kepada orang ramai
D	Bank Koperasi	Memberi pinjaman kepada anggota

39 Apakah Dokumen yang perlu dihantar oleh pembekal apabila seorang peniaga menghantar surat tanya?

- I Invois
- II Katalog
- III Senarai harga
- IV Nota serahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Apakah tujuan ringkasan **K & K di K** yang dicatatkan dalam invois?

- A Memudahkan kerja pembekal dan pembeli.
- B Memberi hak kepada pembekal membetulkan kesilapan.
- C Mengelakkan invois daripada tercacir semasa kiriman
- D Membenarkan pembeli memulangkan barang-barang.

41 Dalam faktor pengeluaran apakah bentuk ganjaran yang diterima oleh pekerja?

- A Keuntungan
- B Faedah
- C Sewa
- D Upah

Kegiatan pengeluaran bahan mentah daripada sumber alam yang digunakan dalam pengeluaran barang

42 Berdasarkan pernyataan di atas, kegiatan yang terlibat termasuklah

- I perikanan
- II perlombongan
- III memasang kereta
- IV membina bangunan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

43 Lilian telah menghasilkan 200 unit bunga telur dengan kos seperti berikut :

Jenis	RM
Kos bahan	200.00
Kos upah	120.00
Kos overhead	40.00
Jumlah	360.00

Jadual 1

Berdasarkan **Jadual 1** di atas, berapakah kos pengeluaran bagi seunit bunga telur ?

- A RM 1.60
- B RM 1.80
- C RM 2.20
- D RM 3.60

Cik Aleeya suka membeli barang-barang terpakai daripada orang-orang kampung yang berhampiran. Kemudian beliau mengubahsuai barang-barang tersebut sebelum menjualkannya semula.

44 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah ciri usahawan yang ada pada Cik Aleeya ?

- A Kreatif
- B Inovatif
- C Berdisplin
- D Berjimat cermat

45 Strategi pemasaran yang berkesan merangkumi...

- I Pemasaran
- II Teknik pemasaran
- III Sasaran pasaran
- IV Campuran pemasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

46 Antara berikut, yang manakah fungsi pemasaran?

- I Membantu mewujudkan sistem pemasaran yang cekap.
- II Meningkatkan jualan atau permintaan.
- III Membantu mewujudkan persaingan antara pengeluar
- IV Membantu menstabilkan keadaan ekonomi.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV


- 47 Bilakah pengguna boleh menggunakan hak untuk mendapat ganti rugi?
- A apabila penjual tidak mahu memberikan perkhidmatan
 - B apabila pengguna mendapati barangan yang dibeli lebih mahal harganya daripada kedai lain
 - C apabila peniaga meletakkan tanda harga yang salah pada barangan
 - D apabila peniaga menjual barangan yang rosak dan tidak berkualiti

Proses merekodkan urusanniaga ke dalam buku rekod perniagaan secara tepat, sistematik dan teratur

- 48 Apakah maksud bagi pernyataan di atas?
- A Buku lajer
 - B Simpan kira
 - C Buku Tunai
 - D Sistem catatan bergu

	Akaun Jualan
	Syarikat Ali RM500.00
	Syarikat Ali
Jualan RM500.00	

- 49 Apakah urusanniaga yang ditunjukkan di atas?
- A Belian tunai kepada Syarikat Ali RM500.00
 - B Jualan kredit kepada Syarikat Ali RM500.00
 - C Terima tunai daripada Syarikat Ali RM500.00
 - D Bayaran tunai kepada Syarikat Ali RM500.00



- 50 Berdasarkan carta aliran menyimpan rekod di atas, apakah langkah X?
- A Menyediakan akaun penamat
 - B Menyediakan Kunci Kira-kira
 - C Mengimbang dan menutup akaun dalam lajer
 - D Merekod urusanniaga mengikut sistem catatan bergu
- 51 Manakah antara berikut adalah akaun perorangan?
- I Akaun Peniaga
 - II Akaun Pembekal
 - III Akaun Pemiutang
 - IV Akaun Penghutang
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 52 Bilakah Imbangan Duga perlu disediakan?
- A Setiap hujung bulan
 - B Selepas membuat catatan bergu
 - C Semasa ingin menguji ketepatan catatan bergu
 - D Selepas akaun-akaun dalam lajer ditutup dan diimbang

Butir-butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jualan		9,800.00
Bank	8,500.00	
Perabot		5,000.00
Komisyen diterima		1,000.00
Penghutang	2,300.00	

53 Apakah butir yang salah di catat dalam Imbangan Duga di atas?

- A Bank
- B Jualan
- C Perabot
- D Penghutang

	RM
Stok Awal	2,000.00
Jualan	12,000.00
Belian	5,000.00
Belanja belian	2,000.00
Stok akhir	2,500.00

54 Hitungkan kos barang untuk dijual?

- A RM5,500.00
- B RM7,000.00
- C RM6,500.00
- D RM9,000.00

	RM
Dividen diterima	2,500.00
Gaji	5,800.00
Sewa kedai	7,500.00
Iklan	3,000.00
Angkutan keluar	600.00

55 Maklumat di atas menunjukkan belanja dan hasil Syarikat Farahin untuk bulan April 2007. Jika untung kasar berjumlah RM25,000.00, berapakah untung bersih yang diperolehi?

- A RM8,100.00
- B RM16,900.00
- C RM10,600.00
- D RM27,500.00

56 Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya rugi bersih dalam perniagaan?

- I Rugi kasar dan perbelanjaan melebihi pendapatan perniagaan
- II Untung kasar dan pendapatan perniagaan melebihi perbelanjaan
- III Jumlah pendapatan perniagaan melebihi rugi kasar dan perbelanjaan
- IV Jumlah perbelanjaan melebihi untung kasar dan pendapatan perniagaan

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

57 Antara berikut yang manakah **tidak** dicatatkan dalam Akaun Perdagangan ?

- A Komisen Diterima
- B Angkutan Masuk
- C Duti Atas Belian
- D Upah atas belian

58 Antara berikut yang manakah merupakan aset bukan semasa bagi sebuah perniagaan ?

- I Kenderaan
- II Stok akhir
- III Tunai di Bank
- IV Alatan pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

	RM
Modal	40,000.00
Untung bersih	23,000.00
Ambilan	3,000.00
Perabot	5,000.00
Tunai	2,000.00
Bank	5,000.00

59 Berdasarkan butir-butir di atas, hitungkan jumlah modal akhir Syarikat Intan?

- A RM37,000.00
- B RM63,000.00
- C RM60,000.00
- D RM66,000.00

60 Antara berikut, butiran manakah yang dicatatkan dalam Kunci Kira-kira?

- I Jualan
- II Belian
- III Modal
- IV Pemiutang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JAWAPAN MODEL 4

1	A	16	B	31	A	46	A
2	D	17	D	32	C	47	D
3	D	18	B	33	C	48	B
4	A	19	D	34	D	49	B
5	D	20	D	35	C	50	D
6	B	21	A	36	A	51	B
7	C	22	D	37	D	52	D
8	A	23	D	38	D	53	C
9	A	24	C	39	C	54	D
10	B	25	C	40	B	55	B
11	B	26	B	41	D	56	C
12	D	27	A	42	A	57	A
13	B	28	A	43	B	58	B
14	B	29	A	44	B	59	C
15	B	30	B	45	D	60	D